

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RRW 233 Pendekatan Sistem Dalam Rekabentuk

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. "Pengajian pendekatan sistem dengan falsafahnya dapat dikaitkan dan digunakan di dalam kajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan." Bincangkan.

(20 markah)

2. Bincangkan dengan ringkas dan beri contoh yang sesuai tentang perkara berikut:

- (a) jenis sistem
- (b) sistem terbuka dan sistem tertutup
- (c) keseimbangan "Homeostatis"

(20 markah)

...2/-

3. (a) Nyatakan berbagai-bagai langkah ataupun metodologi yang boleh digunakan untuk mencari masalah 'struktur' di dalam sesuatu sistem.

(b) Nyatakan tujuan tiap-tiap satu metodologi itu.

(20 markah)

4. Daripada segi pendekatan dan falsafah sistem, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menolong mengatasi masalah perumahan di negara kita?

(20 markah)

5. Huraikan dengan ringkas strategi dan teknik-teknik yang boleh disifatkan sesuai untuk penubuhan identiti kebangsaan di dalam perumahan, bangunan dan perancangan di kalangan masyarakat Malaysia.

(20 markah)

6. Leonardo da Vinci terkenal dengan pemikiran dan falsafah yang tersendiri. Dari manakah punca beliau memperolehi ilham?

Huraikan.

(20 markah)

7. "Manusia merupakan satu sistem. Bangunan merupakan satu sistem." Bincangkan pernyataan ini.

(20 markah)